

## AINA SRIKANDI MATAHARI



Kuantan, 17 November – Penerima Anugerah Srikandi Matahari pada Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP) kali ke-12, Sayyidatina Al Hurul Aina binti Alzahari, 24, tidak menjadikan permulaannya sebagai graduan Diploma Sains Komputer di UMP sebagai penghalang semangat bagi beliau mencapai kejayaannya kini.

Berbekalkan pengalaman di peringkat diploma, beliau menyambungkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) dengan Kepujian di universiti yang sama.

Bagi anak kelahiran Negeri Sembilan ini, kejayaan tidak datang bergolek, maka kita perlu berani untuk mengambil risiko untuk memajukan diri disamping mencari dan memperbaiki kelemahan diri. Pengurusan diri dan masa harus dibentuk supaya perkara yang menjadi keutamaan tidak terjejas.

"Melihat kerja keras ayahnya, Alzahri bin Mansor, membanting tulang sebagai juruteknik di sebuah syarikat swasta, dan ibu, Sarah Mohd Hashim sebagai suri rumah sepenuh masa menjadi pembakar semangat untuk beliau berusaha bagi berbakti kepada kedua orang tua saya," katanya.

Anak ke dua dari enam adik beradik ini turut aktif dalam melibatkan diri dalam program riadah dan motivasi diri. Beliau juga sangat minat membuat kajian dalam bidang kejuruteraan perisian. Pencapaian paling membanggakan adalah memperoleh pingat emas dalam pertandingan iCe-Cinno 2016 dan mewakili UMP dalam pertandingan Chinese Bridge di Universiti Malaya.



Menurutnya, tiada kejayaan tanpa tindakan yang telus dan ikhlas, serta tiada kejayaan tanpa restu ibu bapa serta redha dari Tuhan. Beliau yang kini bekerja sebagai seorang pengaturcara (programmer) di Getthiss Innovation Sdn Bhd berkata, antara kenangan manis sepanjang menuntut di UMP adalah terpilih dalam program mobiliti pelajar selama satu semester di Universitas Teknologi Yogyakarta, Indonesia. Dalam program tersebut beliau berpeluang untuk mendalami ilmu disamping mempelajari budaya masyarakat di luar negara.

Beliau juga mengucapkan syukur kerana menerima Anugerah Serikandi Matahari yang mana merupakan pencapaian terbesar dalam hidupnya. Dengan pencapaian ini, beliau menasihatkan agar mahasiswi tidak meletakkan batas dalam mencapai sesuatu kejayaan berdasarkan jantina. Beliau berharap agar mereka terus komited dalam mengorak langkah dalam memajukan diri serta memberi sumbangan kepada masyarakat.

Meraikan penerima anugerah Penasihat Persatuan Wanita UMP (Matahari), datin Fazia Ali dan Presiden Persatuan Matahari, Profesor Datin Dr Mimi Sakinah Abdul Munaim.

Bagi Profesor Datin Dr Mimi Sakinah, anugerah ini diberikan kepada graduan wanita yang mencapai Purata Gred Kumulatif (CGPA) melebihi 3.5. Penganugerahan ini berdasarkan 80 peratus pencapaian akademik serta 20 peratus pencapaian

kokurikulum. Pihaknya menghargai komitmen mahasiswa yang cemerlang dan turut menyumbang kepada komuniti setempat.

**Disediakan oleh Nur Laila Afandi, Bahagian Komunikasi Korporat dan gambar oleh Mustakim, FSKKP**

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 23-11-2017, 10:06:04